

**NO. SOALAN: 122**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN**

**RUJUKAN : 9727**

**SOALAN:**

**Datuk Hajah Norah Binti Abd Rahman [ Tanjong Manis ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah bagi membanteras sindiket penjualan bayi serta mengelakkan Malaysia dari dijadikan hub sindiket tersebut.

**JAWAPAN:**

**Akta Anti Pmerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran 2007 (Akta 670) telah digubal bagi mencegah dan memerangi jenayah pmerdagangan manusia dan penyeludupan migran yang dikuatkuasakan sejak 28 Februari 2008. Pelbagai usaha telah diambil bagi mengekang aktiviti ini daripada terus berleluasa dengan kerjasama pelbagai agensi penguatkuasa dalam negara.**

**Statistik kes tangkapan atas kesalahan pmerdagangan orang dari tahun 2010 hingga 2016 adalah seperti berikut:**

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>	<b>2012</b>	<b>2013</b>	<b>2014</b>	<b>2015</b>	<b>2016</b>	<b>JUMLAH</b>
1	Jumlah Kes	132	117	195	100	186	158	447	1,335
2	Jumlah Tangkapan	195	159	244	154	249	247	678	1,926

**Statistik mengikut jenis kesalahan pemerdagangan orang dari tahun 2010 hingga 2016 adalah seperti berikut:**

BIL.	PERKARA	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	JUMLAH
<b>1.EKSPLOITASI</b>									
1.1	Seks	67	52	102	58	105	73	322	779
1.2	Kerja Paksa	34	46	66	40	80	55	120	441
1.3	Penghambaan	0	0	0	0	0	0	0	0
1.4	Pengabdian	0	0	0	0	0	0	0	0
1.5	Pemindahan organ	0	0	0	0	0	0	1	1
<b>2. LAIN-LAIN KESALAHAN</b>									
<b>(KESALAHAN DI BAWAH AKTA IMIGRESEN)</b>									
2.1	Penyeludupan Migran	11	0	0	0	0	0	0	11
2.2	Kesalahan Visa	0	10	22	2	0	29	0	63
2.3	Penjualan Bayi	20	9	5	0	1	1	4	40
<b>Jumlah</b>		<b>132</b>	<b>117</b>	<b>195</b>	<b>100</b>	<b>186</b>	<b>158</b>	<b>447</b>	<b>1,335</b>

**Statistik pertuduhan dan sabitan yang dikeluarkan oleh Jabatan Peguam Negara atas kesalahan penyeludupan migran dari tahun 2010 hingga 2016 adalah seperti berikut:**

PERKARA	TAHUN							JUMLAH
	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	
Kes Yang Telah Dituduh	0	27	49	66	75	20	0	237
Sabitan	0	19	23	35	31	2	9	119

**Demi memastikan aktiviti penjualan bayi dan penyeludupan migran tidak menjejaskan kerukunan dan keharmonian masyarakat Malaysia, pelbagai langkah dan usaha telah diambil oleh pihak Kerajaan terutamanya bagi membanteras kegiatan yang dijalankan oleh orang-orang perseorangan dan juga sindiket yang secara tidak langsung menjejaskan imej Malaysia. Antara langkah-langkah yang telah dilaksanakan ialah:**

- (a) menguatkuasakan Akta Anti Pmerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran 2007 berpandukan Pelan Tindakan Kebangsaan Anti Pmerdagangan Orang 2016-2020 melibatkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (KDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Jabatan Tenaga Kerja, Kementerian Sumber Manusia (KSM) yang akan menjalankan operasi dan risikan secara bersepadu;**
  
- (b) mengadakan kerjasama dengan beberapa organisasi antarabangsa bagi tujuan perlindungan dan kebajikan mangsa seperti *International Justice Mission (IJM)*, *International Organisation for Migration (IOM)*, *Australia-Asia Program to Combat Trafficking in Person (AAPTIP)* dan *Medecins San Frontrieres/Doctor Without Borders (MSF)* mencakupi usahasama dalam perkara penghantaran pulang, perlindungan, kempen kesedaran, penerangan hak-hak mangsa dan pengurusan kes;**

- (c) menubuhkan Pasukan Petugas Khas Anti Pernerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran (ATIPSOM *Task Force*) yang terdiri daripada wakil agensi penguatkuasa dan perundangan;
  
- (d) mengenal pasti tempat-tempat yang sering menjadi *point of entry* penyeludup-penyeludup yang membawa masuk atau membawa keluar kanak-kanak untuk dijual kepada keluarga angkat untuk tindakan pencegahan dan menyelamatkan mangsa.